

## PEKELILING NASIHAT KANDUNGAN (1/2020)

---

### PANDUAN PERIKLANAN SEWAKTU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) menggalakkan pengamal industri dalam sektor komunikasi dan multimedia yang berhasrat untuk membuat sebarang periklanan agar sentiasa bertanggungjawab dan bertindak secara beretika semasa tempoh MCO pandemik COVID-19 ini.

Perniagaan yang ingin mencipta dan menyebarkan apa-apa bentuk media periklanan dan/atau pengumuman perkhidmatan awam (PPA) melalui medium elektronik berangkai harus mengambil perhatian terhadap perkara-perkara utama yang disarankan seperti yang disenaraikan di bawah. Pengiklan / pencipta kandungan digalakkan untuk:

- (i) Mengeluarkan mesej yang menyumbang secara positif terhadap pengurusan krisis oleh kerajaan Malaysia dan kepada pekerja barisan hadapan menangani pandemik ini;
- (ii) Memastikan terma dan syarat sebarang promosi yang dipaparkan dalam mana-mana iklan atau bahan promosi adalah benar, dengan cara yang terang dan telus;
- (iii) Hanya gunakan tuntutan yang benar dan jujur tentang produk dan perkhidmatan yang mampu ditentusahkan dengan bukti yang kukuh;
- (iv) Elakkan penyebaran maklumat salah atau palsu yang berasal dari sumber yang tidak boleh dipercayai; dan
- (v) Rujuk serta patuh kepada **Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Edisi Kedua)**, sebarang nasihat dari CMCF dan undang-undang negara yang berkaitan.

Di samping itu, orang ramai juga digalakkan untuk melaporkan sebarang iklan melalui media elektronik berkenaan produk serta perkhidmatan yang mungkin kelihatan mengelirukan kepada Biro Aduan CMCF.

**PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF**  
**FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**  
**Selangor, Malaysia**  
**14 April 2020**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Eksekutif CMCF

Emel: [secretariat@cmcf.my](mailto:secretariat@cmcf.my)